

# UMS diminta latih 3,000 guru sandaran

UTUSAN  
MALAYSIA  
29 JULAI 1997



OSU SUKAM

KOTA KINABALU 28 Julai - Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini diminta membantu lebih 3,000 guru sandaran di Sabah melanjutkan pengajian ke universiti itu sebagai usaha mengatasi kekurangan guru, khususnya daripada kalangan rakyat tempatan.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam ketika berucap di kampus UMS di Telipok dekat sini, berkata UMS boleh membantu guru-guru tersebut berdasarkan pengalaman negara-negara maju yang membenarkan mereka yang berpengalaman me-

ngikuti kursus tertentu di peringkat universiti.

"Kebanyakan guru sandaran di Sabah adalah lepasan tingkatan lima dan berpengalaman lebih lima tahun, dan saya rasa jika mereka dibenarkan mengikuti pengajian di UMS, ia tidak akan menjejaskan mutu graduan UMS kerana mereka adalah guru yang berpengalaman," katanya.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata beliau bertanggungjawab mengutarakan perkara itu kerana kekurangan guru terlatih di negeri itu masih ketara.

Beliau juga meminta pihak UMS memberinya butiran nisbah pelajar Sabah yang mengikuti kursus-kursus di UMS, yang merupakan universiti kesembilan negara, bagi membolehkan lebih ramai rakyat tempatan mengikuti kursus di universiti itu.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Abu Hassan Othman pada persidangan berita yang sama berkata beliau menyokong saranan Osu mengenai guru sandaran itu dan akan berusaha ke arah mencapai hasrat itu. — Bernama.